

Headline	25 gerai Bazar Amal Ekstravaganza PBSM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	60	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,265
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,795



25 gerai Bazar Amal Ekstravaganza PBSM

KUALA LUMPUR: Orang ramai berpeluang mengunjungi lebih 25 gerai jualan, termasuk makanan, lelongan lukisan serta jualan but kereta sempena Bazar Amal Ekstravaganza Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) di ibu pejabat persatuan di Lengkok Belfield off Jalan Wisma Putra, di sini, dijadualkan pada 1 hingga 2 Disember depan.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan semalam, Penguurus Komunikasi PBSM, Suhana Mohamed Salleh berkata, pengunjung boleh bersantai dengan pelbagai aktiviti menarik disediakan penganjur seperti Bengkel Fotografi oleh Arif Budiman, cetakan foto peribadi pada kanvas serta kad, rawatan kecantikan selain berpeluang memenangi cabutan bertuah.

Turut disediakan pada hari berkenaan ialah permainan

roda nasib khusus untuk kanak-kanak serta penerangan mengenai asas pertolongan cemas termasuk senaman kecergasan seperti Capoeira dan Kumpulan Zumba selain jualan buku yang boleh dibeli pada harga RM10, RM30 dan RM50.

“Bagi mereka yang berminat untuk berniaga, masih terdapat ruang pameran di tapak bazar dengan harga RM200 untuk dua hari bagi booth bersaiz 10x10 serta jualan but kereta pada harga RM50 juga pada tempoh sama.

“Wang kutipan akan disumbangkan kepada misi kemanusiaan tempatan dan mereka yang memerlukan seperti perkhidmatan mbulans 24 jam, mangsa banjir, kebakaran dan tanah runtuh,” katanya.

Sementara itu, Suhana berkata, bersempena dengan bazar dan Hari Aids Sedunia



pada tarikh itu, PBSM turut mengadakan acara berbaskikal bersama dua kumpulan iaitu ET Riders dan Splinter Cell Putrajaya untuk meningkatkan kesedaran mengenai HIV dan Aids kepada penduduk di sekitar Kuala Lumpur.

“Pada hari itu, orang ramai dan aktivis kemanusiaan boleh mengambil peluang menyebarkan kesedaran status pandemik selain menggalakan kemajuan dalam pencegahan HIV/Aids, rawatan dan penjagaan,” katanya.